

Mahathir ingatkan Melayu

Politik

saja tak

memadai

1- JULI 1977

KUALA LUMPUR, Khamis. — Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan orang-orang Melayu, khasnya ahli-ahli Umno, mereka tidak boleh menganggap kuasa politik di tangan orang Melayu sekarang boleh mengatasi semua masalah yang mereka hadapi.

Pokok pangkalnya, kata

Dato Seri Dr. Mahathir ialah kejayaan orang Melayu di masa depan adalah bergantung kepada kebolehan mereka juga.

“Kepercayaan bahawa semua masalah boleh diatasi dengan kuasa politik adalah satu khayalan, “kata beliau waktu merasmikan perhimpunan agung Pergerakan Pemuda Umno dan Pergerakan Wanita Umno di Dewan Bahasa dan Pustaka, di sini.

Dalam ucapannya yang panjang lebar itu, Dato Seri Dr. Mahathir yang juga seorang Naib Presiden Umno juga menyentuh dua lagi perkara besar iaitu mengenai sikap ahli-ahli Umno sekarang serta aspek-aspek kepimpinan dalam Umno.

Beliau juga menyebut

tentang adanya golongan yang katanya, bersikap sebagai penyokong kuat Umno sehingga orang-orang Umno sendiri memihak mereka, walhal orang-orang ini sebenarnya adalah musuh-musuh Umno.

(Ucapan penuh beliau disiarkan di muka 3 Berita Harian hari ini).

Desakan

Waktu bercakap mengenai kuasa politik itu, Dato Seri Dr. Mahathir berkata: “Sebagai ahli politik dalam negara yang demokratik ialah kita mungkin tidak popular jika kita tidak sanggup menggunakan atau lebih tepat lagi menyalahgunakan kuasa poli-

tik untuk bukan sahaja memberi peluang tetapi untuk menentukan dengan tepatnya hasil yang kita idamkan.

“Desakan akan datang sepanjang masa supaya kuasa politik digunakan bukan sahaja untuk membuka peluang tetapi kejayaan peluang itu juga ditentukan oleh kuasa politik.

“Masalahnya ialah jika kuasa politik digunakan untuk menjayakan peluang maka kehilangan kuasa politik akan membawa kegagalan walau apapun peluang diberi.

“Orang yang menggunakan kuasa politik untuk mengatasi semua masalah dan cabaran, akan lumpuh dan gagal apabila dipisah dari kuasa politik.”